**LAMPIRAN II**

**Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 2 Tahun 2016**

## 11 PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN (1PP)

<table>
<tr><th>BIL</th><th>NO. 1PP</th><th>PERIHAL</th><th>PERENGGAN PINDAAN</th><th>SELEPAS PINDAAN</th></tr>
<tr><td>1</td><td>PB 2.6</td><td>Pindah Peruntukan Perbelanjaan Mengurus</td><td>2.1</td><td>Pegawai Pengawal adalah tidak diberi kuasa untuk memindah peruntukan perbelanjaan dari satu Objek Am ke satu Objek Am yang lain di dalam aktiviti yang sama.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>PK 1.0</td><td>Punca Kuasa, Prinsip dan Dasar Perolehan Kerajaan</td><td>6. (ix) dan (ix)</td><td>Perenggan ini tidak terpakai kepada perolehan yang melibatkan peruntukan Kerajaan Negeri</td></tr>
<tr><td>3</td><td>PK 2.1</td><td>Kaedah Perolehan<br>Kerajaan</td><td>2 (iv)<br>4<br>14</td><td>Perenggan ini dimansuhkan.<br>Perenggan ini dimansuhkan.<br>Perenggan ini dimansuhkan.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>PK 3.1</td><td>Perolehan, Perkhidmatan dan Perunding</td><td>15</td><td>Sistem ePerunding adalah sistem lantikan secara atas talian dan tidak terpakai kepada Jabatan Negeri yang menggunakan Peruntukan Negeri.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>WP 2.5</td><td>Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi</td><td>3..1.2 (ii)</td><td>Kelayakan kelas tempat duduk penerbangan ke Luar Negeri (Antarabangsa) bagi semua Penjawat Awam dan Ahli Pentadbiran Kerajaan Negeri adalah kelas Ekonomi kecuali YAB. Menteri Besar Kelantan diberi Kemudahan Penerbangan Kelas Satu.</td></tr>
<tr><td>6</td><td>WP 3.2</td><td>Peraturan dan Prosedur Pendahuluan Diri Bagi Bayaran Elaun Sewa Hotel, Elaun Makan dan Kelulusan Pakaian Panas</td><td>1</td><td>Tujuan Pendahuluan diri diperluaskan kepada tujuan berikut:-<br><br>i)Elaun sara hidup dan perbelanjaan untuk menjalankan tugas rasmi,<br>ii)Semasa menghadiri kursus dan bertukar di dalam/luar negeri.<br>iii)Menunaikan Fardu Haji</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td><br><br>2<br><br>3.1</td><td>iv)Bagi mendapatkan gaji/elaun terlebih bayar<br>v)Lain-lain maksud yang boleh diluluskan oleh YB. Pegawai Kewangan Negeri<br><br>Semua Permohonan Pendahuluan Diri adalah perlu mendapat kelulusan YB. Pegawai Kewangan Neger<br><br>Permohonan Pendahuluan Diri hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang KEW.325 dalam dua (2) salinan dan dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri 14 hari sebelum memulakan perjalanan rasmi berkenaan.</td></tr>
<tr><td>7</td><td>WP 3.3</td><td>Tatacara Dan Peraturan Mengena Pengurusan Pendahuluan Pelbaga</td><td>3.1 (i) dan (ii)</td><td>Semua Permohonan Pelbagai adalah perlu mendapat kelulusan YB. Pegawai Kewangan Negeri.</td></tr>
<tr><td>8</td><td>WP 6.2</td><td>Skim Bayaran Pampasan (Ex-Gratia) Bagi Pengawal Kerajaan Di Bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Dan Pengawai Berpencen Yang Ditimpa Kemalangan Atau Kecederaan Termasuk Yang Teraniaya akibat Anasir-Anasir Jahat Semasa Menjalankan Tugas Rasmi.</td><td>Lampiran A</td><td>Kadar bayaran bagi faedah yang diperolehi oleh pegawai yang terbabit adalah seperti berikut:-
<table>
<tr><td>Jenis Kemalangan/ Kecederaan</td><td>Kadar bayaran</td></tr>
<tr><td>Kematian</td><td>18 kali ganda gaji bulanan hakiki, maksimum RM 5,000.00.</td></tr>
<tr><td>Kecacatan yang melibatkan hilang pekerjaan.</td><td>36 kali ganda gaji bulanan hakiki, maksimum RM 10,000.00</td></tr>
<tr><td>Kecacatan berkekalan yang tidak mengakibatkan hilang pekerjaan.</td><td>Tertakluk kepada maksimum 12 kali ganda gaji bulanan hakiki.</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>9</td><td>WP 9.1</td><td>Peraturan-peraturan Dan Syarat-Syarat Mengenai Skim Pembiayaan Komputer Bagi Anggota Perkhidmatan Awam</td><td>3<br><br>5.2.1<br><br>7.2<br><br>7.6.2.1</td><td>Tafsiran "keuntungan" adalah dimansuhkan kerana pembiayaan adalah tanpa faedah.<br><br>Amaun pembiayaan maksimum adalah sebanyak RM3,000.00 sahaja.<br><br>Kuasa untuk meluluskan semua permohonan pembiayaan adalah YB. Pegawai Kewangan Negeri<br><br>Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah tidak melebihi 3 tahun/36 bulan.</td></tr>
<tr><td>10</td><td>WP 9.3</td><td>Skim Pembiayaan Kenderaan Mengikut Prinsip Al Bai' Bithaman' Ajil Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Pegawai Perkhidmatan Pasukan Polis</td><td>2<br><br>3<br><br>4<br><br>9</td><td>Perenggan ini dimansuhkan. Tiada bank pembiayai yang dilantik.<br><br>Tafsiran "keuntungan" adalah dimansuhkan kerana pembiayaan adalah tanpa faedah.<br><br>Kuasa untuk meluluskan semua permohonan pembiayaan adalah YB. Pegawai Kewangan Negeri.<br><br>Dimansuhkan.</td></tr>
</table>

## 11 PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN (1PP)

| BIL | NO. 1PP | PERIHAL | PERENGGAN PINDAAN | SELEPAS PINDAAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | **10.3** | Tiada Rebat (Muqassah) yang akan diberikan kepada penerima Pembiaya yang menjelaskan kesemua pinjaman lebih awal dari waktu/ tempoh ansuran yang dipersetujui (perenggan 10.3). |
| 11 | AM 2.6 | Pelupusan (Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan) | **15** | Perenggan ini dimansuhkan. Pelupusan Secara Sistem E-Waste, Buangan Terjadual dan Sisa Pepejal. Peruntukan hanya tertakluk kepada jabatan Kerajaan Persekutuan. |

*PPKN(KP)/1PP/Pindaan11.LampiranII Terbaru/fmn/sf*